

NOTIS SEBUT HARGA

NOMBOR & NAMA SEBUT HARGA	HARGA INDIKATIF	TARIKH IKLAN	TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	HARGA DOKUMEN	KELAYAKAN
<u>Sh/UniMAP/PBGN/25/28</u> UniMAP - MENAIKTARAF SISTEM PENYAMAN UDARA BERPUSAT BAGI BANGUNAN PLANT 2 SERTA KERJA BERKAITAN DI KAMPUS ALAM UniMAP, PAUH PUTRA	*RM1,500,000.00	04 OGOS 2025 HINGGA 21 OGOS 2025	LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN TARIKH : 7 OGOS 2025 (KHAMIS) JAM : 9.30 pagi (Pendaftaran) 10.00 pagi (Taklimat) TEMPAT: Bilik Mesyuarat Pejabat Tapak, Jabatan Pembangunan, Kampus Alam UniMAP Pauh Putra, Perlis Dokumen hanya akan dijual selepas lawatan tapak	RM 50.00	BERDAFTAR DENGAN CIDB DAN BERTARAF BUMIPUTERA KEBENARAN KHAS CIDB TIDAK DIBENARKAN GRED CIDB : G4 (Negeri Perlis Sahaja) KATEGORI : ME / M01 (Sistem Hawa Dingin dan Penedaran Udara)

*Harga indikatif ini merupakan anggaran sahaja dan tidak mengikat UniMAP atau syarikat. UniMAP tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih dengan bersandarkan harga indikatif.

NOTA :

1. Bagi sesi lawatan tapak, **hanya penama** yang tercatat di dalam **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** bertaraf **Bumiputera** sahaja yang **dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan sesi taklimat** berkenaan. Kontraktor/Syarikat **tidak boleh** mewakili kepada pegawai selain daripada penama dalam sijil.

2. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor/pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** dan bertaraf **Bumiputera** di dalam kod bidang yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini serta mempunyai pengalaman keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja tersebut di atas.
3. Kontraktor-kontraktor mestilah mengemukakan **Sijil Pendaftaran Syarikat** dengan dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)**, **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, **Sijil Taraf Pendaftaran Bumiputera (Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan)** bagi mendapatkan dokumen sebut harga. Dokumen sebut harga hanya dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil-wakil kontraktor yang membawa Sijil berkenaan beserta dengan salinannya sekali.
4. Dokumen Meja Tawaran boleh disemak dan Dokumen sebut harga boleh didapati di **Kaunter Hasil Jabatan Bendahari, Universiti Malaysia Perlis, Aras Bawah, Bangunan Canselori, Kampus Alam UniMAP Pauh Putra, 02600 Arau Perlis.**
5. Pembayaran **HANYA** melalui kaedah **JomPAY** daripada mana-mana bank. Sila pastikan **MAKLUMAT PEMBAYARAN** yang dimasukkan adalah **TEPAT** dan semua syarat kelayakan dipatuhi sebelum bayaran JomPAY dibuat.
6. Maklumat yang perlu dimasukkan bagi pembayaran secara JomPAY adalah seperti berikut:-

Biller Code	: 99994
Biller Code Name	: UNIMAP-TERIMAAN
Reference 1	: Nama Syarikat
Reference 2	: Kod Tender/Sebut Harga

7. **Sila bawa bersama slip bayaran JomPAY** anda semasa mengambil dokumen sebut harga di Kaunter Hasil Jabatan Bendahari, UniMAP.
8. **Operasi kaunter** untuk penjualan dokumen sebut harga adalah seperti berikut:-

Hari : **Isnin hingga Jumaat**

Masa : **09.00 pagi hingga 04.00 petang**
9. Dokumen sebut harga hendaklah dikembalikan di dalam sampul surat berlakri dan bertanda **Nombor** serta **Nama Sebut Harga** dan dimasukkan ke dalam peti tawaran tersebut di **Jabatan Bendahari, Universiti Malaysia Perlis, Aras Bawah, Bangunan Canselori, Kampus Alam UniMAP Pauh Putra, 02600 Arau Perlis** sebelum atau pada **21 OGOS 2025 sebelum jam 12.00 tengahari**. Tawaran yang lewat diterima **TIDAK AKAN** dipertimbangkan.
10. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan dokumen sebutharga boleh hubungi Kaunter Jabatan Bendahari (04-9414021) atau Unit Perolehan di talian 04-9414041.
11. Pihak UniMAP, mewajibkan semua kontraktor/pembekal bagi tujuan pengurusan dokumen perolehan perlu lengkap vaksinasi dan cukup tempoh matang untuk masuk ke kampus.